

Pemahaman Dan Pengalaman Guru Pendidikan Islam Menerapkan Elemen Amalan Dalam Pengajaran

Fathiyah Mohd Fakhruddin [1], Nor Hayati Alwi [2], Azimi Hamzah [3], Lukman Abd. Mutualib [4]

ABSTRACT

This study discusses the Islamic education's teachers' understanding and experience in inculcating the deed (*ibadah*) element in their teaching practices. This study employed the qualitative approach. In-depth interview, observation and document analysis were conducted for the data collection purpose. The result shows that teachers' understanding of the said element refers to the concept of worship that needs to be performed in line with the '*shariah*' and needs to be practiced in our daily life. Meanwhile, teachers' experience in inculcating the '*ibadah*' element is done through demonstrations, consistent practices, monitoring, advising and highlighting the significance of the '*ibadah*'. In conclusion, this study illustrates that the '*ibadah*' element is well-understood and applied by the teachers. However, some aspects may need to be improved. Finally, this study also discusses the implications and suggestions for future research.

Keywords: *Islamic Education, Teacher, Teaching & Learning*

[1] Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor
fathi@putra.upm.edu.my

[2] Jabatan Pendidikan Sains dan Teknikal
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor

[3] Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor

[4] Fakulti Syariah & Undang-Undang (FSU)
Bangunan FSU
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
71800 Nilai, Negeri Sembilan

PENDAHULUAN

Pendidikan Islam ialah salah satu mata pelajaran teras dan wajib di peringkat sekolah rendah dan menengah bagi murid-murid Islam. Pendidikan Islam dalam konteks Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah yang telah dilaksanakan pada tahun 1987 dan disemak pada tahun 2003 dengan jelas menekankan satu aspek penting. Aspek penting tersebut merujuk kepada inti pati Falsafah Pendidikan Islam negara bagi melahirkan individu yang memiliki perkembangan diri yang menyeluruh dan seimbang (Fathiyah, 2010). Pendidikan Islam KBSM yang meliputi tingkatan satu hingga lima mengandungi tiga bidang utama iaitu Tilawah Al-Quran dan Al-Hadis, Ulum Syar'iyyah dan Adab berteraskan Akhlak Islamiah. Bidang Ulum Syar'iyyah pula merangkumi tiga komponen iaitu Akidah, Ibadat serta Sirah Nabawiyyah dan Tamadun Islam.

Selari dengan ketiga-tiga bidang utama Pendidikan Islam KBSM tersebut, objektif yang diformulasikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2002) mendokong aspirasi yang sama iaitu : kemampuan untuk membaca ayat-ayat terpilih daripada Al-Quran dengan betul, fasih, mahir dan bertajwid serta untuk memperkuuh minat dan amalan membaca Al-Quran; menghafaz ayat-ayat Al-Quran yang terpilih untuk menambah bacaan dalam solat dan amalan ibadat harian; memahami maksud beberapa ayat Al-Quran dan Hadis yang dipelajari serta menghayati pengajarannya sebagai sumber hukum dan panduan hidup; memantap pegangan akidah Islamiah serta menghidupkan konsep tauhid dalam keseluruhan amalan dan menjadi benteng keagamaan; mempertingkat amalan ibadat-ibadat Fardu Ain serta memahami sumbangan Fardu Kifayah sebagai kewajipan umat Islam bagi menyumbang kepada kemajuan hidup di dunia dan akhirat; memahami dan mengambil iktibar daripada sirah nabawiyyah, khulafa' al-rasyidin dan tokoh-tokoh Islam sebagai asas

pembangunan insan yang berupaya menyumbang kepada pembangunan bangsa dan negara serta berakhlik mulia dan mengamalkan nilai-nilai murni sebagai tunggak budaya bangsa yang bermaruah

Berdasarkan objektif yang dikemukakan di atas, pernyataan objektif yang kelima iaitu 'mempertingkatkan amalan ibadat-ibadat Fardu Ain serta memahami sumbangan Fardu Kifayah sebagai kewajipan umat Islam bagi menyumbang kepada kemajuan hidup di dunia dan akhirat' secara jelas merujuk kepada elemen amalan yang menjadi fokus kajian. Elemen amalan ialah salah satu daripada beberapa elemen yang perlu diterapkan oleh guru dalam pengajaran Pendidikan Islam.

ELEMEN AMALAN DAN PENERAPAN AMALAN

Amalan adalah lahir daripada keimanan. Keimanan pula pemungkin yang membangkitkan motivasi insan untuk melakukan amalan dan bersungguh dalam melaksanakan amalan tersebut (Al-Zindani, 1986). Amalan dalam konteks Pendidikan Islam merujuk kepada aspek ibadah. Ibadah bermaksud pengabdian, dalam konteks insan sebagai hamba Allah s.w.t. memberikan pengabdian secara tulus dan total kepada Allah s.w.t. (Al-Maududi, 2006). Fathi Yakan (1985) merungkaikan makna ibadah dalam bahasa yang mendalamnya ialah kemuncak daripada rasa ketundukan dan kepatuhan serta merasakan kebesaran Allah s.w.t. sebagai tumpuan pengabdian diri. Sekali gus ibadah berfungsi sebagai medium perantaraan antara insan sebagai makhluk dengan Allah s.w.t. sebagai Pencipta. Oleh itu, ibadah dalam pengertiannya yang luas ialah seluruh perlakuan dalam kehidupan yang sejajar dengan kehendak syarak serta diniatkan untuk mengabdikan diri kepada-Nya (Halstead, 2007). Ini bertepatan dengan maksud ayat 56 surah al-Zariyat.

Penerapan amalan dilakukan menerusi pembiasaan atau latihan (Alavi, 2007). Sebagai contoh, Islam menganjurkan ibubapa membiasakan anak dengan ibadat solat seawal usia tujuh tahun. Pembiasaan solat dapat melatih anak agar memahami dan melaksanakan amalan tersebut sebagai mentaati suruhan Allah s.w.t. (Ulwan, 1996). Dalam konteks menerapkan rasa khusyuk ketika beribadat, latihan agar pelajar belajar menangis ketika membaca Al-Quran perlu dilakukan. Dr. Nabih sebagaimana yang dinyatakan oleh Ulwan (1996), menekankan proses membentuk amalan sehingga ke tahap khusyuk perlu dilaksanakan secara berdisiplin iaitu secara teratur dan konsisten. Malah, Fathi Yakan (1985) sangat menekankan aspek kehadiran hati, khusyuk dan kelazatan ketika melaksanakan ibadah dalam kehidupan sehari-hari seorang muslim. Ibadah yang dituntut menurut beliau tidak terhenti kepada pelaksanaan menurut syariat tetapi mencapai tahap yang lebih tinggi iaitu kemanisan ibadah.

Elemen amalan juga mampu diterap pada diri pelajar dengan mewujudkan persekitaran yang baik. Ulwan (1996) menyarankan beberapa aspek yang perlu diberi penekanan yang dapat membantu mewujudkan iklim persekitaran yang baik dan sihat. Antaranya ialah dengan memilih sekolah dan guru yang baik. Bahan-bahan bacaan yang baik serta teman yang baik juga dapat membantu membentuk amalan baik dalam kalangan pelajar. Persekitaran keluarga yang menyimpang dan masyarakat yang rosak mendedahkan pelajar dengan unsur-unsur keburukan (Ulwan, 1996). Pentingnya persekitaran bagi pelajar diperkuuhkan dengan hadis Rasulullah s.a.w. yang bermaksud : (Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah suci dan kedua ibu bapanya yang menjadikan dia Yahudi, Nasrani dan Majusi). Hadis lain yang menyatakan pengaruh rakan atau teman dalam memastikan terbentuknya amalan pada diri pelajar ialah hadis yang bermaksud : (Seseorang itu bergantung kepada agama temannya, maka lihatlah siapa yang menjadi teman individu tersebut) (Ulwan, 1996).

Jika disingkap dalam sejarah, ternyata Rasulullah s.a.w. menerapkan amalan seperti ibadat tertentu dengan memberi teladan kepada sahabat-sahabatnya. Rasulullah s.a.w. diriwayatkan selalu bangun malam untuk mengerjakan solat tahajjud sehingga bengkak kedua kakinya. Dalam aspek amalan solat sunat, Rasulullah s.a.w. diceritakan oleh isterinya Aisyah r.a. berusaha melaksanakan solat sunat secara konsisten (Ulwan, 1996). Baginda sendiri menunjukkan cara-cara mendirikan solat dan menjadi imam agar umat Islam yang menjadi maknum dapat melihat serta belajar secara praktikal (Che Noraini, 2008).

Selain daripada memberi teladan, kaedah tunjuk cara atau demonstrasi turut diaplikasi oleh Rasulullah s.a.w. dengan baginda sendiri menunjukkan cara-cara mendirikan solat dan menjadi imam agar seluruh umat Islam yang menjadi maknum akan melihat praktikalnya. Setelah menunaikan solat, baginda s.a.w.

memaklumkan tujuan baginda tersebut iaitu agar dapat dilihat dan diikuti dengan sempurna oleh para sahabat (Che Noraini, 2008)

Pengawasan juga antara kaedah bagi menerapkan elemen amalan. Dalam konteks pengajaran di sekolah, ini bermaksud guru berperanan mengawasi amalan pelajar. Hadis yang berkisar tentang suruhan agar anak menunaikan solat seawal usia tujuh tahun dan memukul jika anak tersebut enggan menunaikan solat sebenarnya petunjuk jelas bahawa ibu bapa dan guru perlu mengawasi amalan anak atau pelajar. Ini diperkuuhkan lagi dengan gesaan Allah s.w.t. dalam Surah al-Tahrim ayat 6 agar insan memelihara diri dan ahli keluarga daripada api neraka. Gesaan tersebut merujuk kepada pentingnya melakukan pengawasan atau pemantauan terhadap amalan dan akhlak diri dan ahli keluarga yang lain.

Kajian tentang kefahaman, pelaksanaan dan penghayatan solat dalam kalangan bakal guru di salah sebuah institut pendidikan guru di Malaysia menunjukkan bahawa tahap kefahaman dan pelaksanaan ibadat solat adalah tinggi. Namun, dalam aspek penghayatan ibadat berkenaan didapati tahap penghayatan bakal guru berada di tahap sederhana. Ini menggambarkan bahawa aspek penghayatan dan kekhusyukan ibadat khususnya solat masih sukar dan perlu diberi perhatian (Sumaiyah Sulaiman, Rahaila Omar, Mahawa Pilus dan Abd Rashid Zainal, 2012).

BIDANG TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB GURU

Guru atau pendidik ialah medium utama dalam konteks pendidikan formal bagi menerapkan iman, ilmu, amalan, penghayatan, akhlak dan ikhlas (Fathiyah, 2010). Tugas dan tanggungjawab yang perlu digalas oleh guru ialah tugas yang berat dan tanggungjawab yang memerlukan pengorbanan. Malah, dalam Islam, guru ditempatkan pada kedudukan yang mulia kerana guru berperanan mendidik akal dan roh iaitu dua unsur mulia pada diri insan (Zainuddin, 1991).

Tugas dan tanggungjawab berat yang digalas oleh guru Pendidikan Islam hakikatnya merujuk kepada tujuan Pendidikan Islam itu sendiri. Guru bertanggungjawab merealisasikan tujuan Pendidikan Islam yang tentu sekali berkait rapat dengan tujuan hidup dalam Islam iaitu untuk meraih kesempurnaan yang bersifat komprehensif iaitu kesempurnaan material dan spiritual (Sultan, 1992, Rahman, 1994).

Antara tugas penting guru Pendidikan Islam ialah membangunkan intelek insan kerana ia penting (Alhasan, 2005) untuk membongkar kebenaran hakiki iaitu menemukan insan kepada Penciptanya (Abdullah, 1982). Intelek penting untuk menyelesaikan permasalahan dalam kehidupan (Abdul Haq, 2002). Justeru itu, pengajaran Pendidikan Islam seharusnya memberi penekanan kepada usaha untuk mempertingkatkan keupayaan intelek bagi memahami, memerhati, mengkaji dan menyelesaikan masalah (Umar, 2000). Perkembangan intelek dapat dicapai menerusi penelitian terhadap ayat-ayat Al-Quran dan pemerhatian kepada unsur-unsur alam. Penelitian dan pemerhatian tersebut dapat mendorong kepada keyakinan kepada Allah s.w.t. dan kekuasaan-Nya (Abdullah, 1982). Perkembangan intelek turut dapat dicapai menerusi aktiviti berfikir. Pandangan yang mengatakan bahawa Pendidikan Islam hanya tertumpu kepada kaedah menghafal adalah pandangan yang salah (Abdullah, 1982). Buktinya, terdapat banyak terminologi *ulul albab* iaitu manusia yang berfikir disebut di dalam Al-Quran. Konsep *ya'qilun* iaitu berfikir, *yatafakkarun* iaitu berfikir secara mendalam serta konsep *yatadabbarun* yang membawa maksud berfikir untuk menemukan kebenaran tentang Pencipta disebut secara berulang-ulang dalam Al-Quran (Sidek Baba, 2006)

Selain daripada perkembangan intelek, perkembangan spiritual juga salah satu tujuan Pendidikan Islam yang penting kerana insan terdiri daripada unsur roh. Perkembangan spiritual hakikatnya bersangkutan dengan aspek memantapkan keimanan insan kepada Allah s.w.t., malaikat, rasul, hari Akhirat dan qadha serta qadar. Keimanan merujuk kepada situasi insan membuat pengakuan dengan lidahnya, menyakininya dalam hati dan menterjemahkan keimanan menerusi amalan salih (Achoui, 1998). Justeru itu, keimanan yang teguh lazimnya diiringi dengan amalan salih dan tingkah laku yang baik.

Yasien Mohamed (1997) turut memperkatakan tentang aspek spiritual yang perlu dibangunkan dan beliau mengaitkan dimensi spiritual dengan unsur fitrah. Fitrah yang dibekalkan kepada insan ialah kecenderungan untuk menerima keimanan. Dalam aspek spiritual juga, Pendidikan Islam turut memberi fokus

agar insan menjauhi dosa bagi menjalani kehidupan yang baik (Alhasan, 2005). Ini bermakna pengajaran Pendidikan Islam bertujuan untuk membersihkan jiwa daripada sikap dan nilai negatif atau dikenali sebagai *tazkiyah al-nafs* (Abdullah, 1982). Ini disokong oleh Al-Aroosi (1990) bahawa Pendidikan Islam berperanan membersihkan hati daripada nafsu yang liar dan dorongan yang tidak sihat.

OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat dua objektif kajian yang ditentukan iaitu:

- 1) meneliti pemahaman guru Pendidikan Islam terhadap elemen amalan yang diterap dalam pengajaran
- 2) meneliti pengalaman guru Pendidikan Islam dalam menerapkan elemen amalan dalam pengajaran

METODOLOGI KAJIAN


Kajian yang dijalankan ini menggunakan pendekatan kualitatif. Pendekatan kualitatif digunakan kerana kajian ini bertujuan untuk meneliti pemahaman dan pengalaman guru Pendidikan Islam menerapkan elemen amalan dalam pengajaran mereka. Oleh itu, kajian ini memberi tumpuan kepada proses dan cuba memahami pengalaman sebenar guru yang melaksanakan proses berkenaan. Kajian kualitatif turut cuba memahami interpretasi individu terhadap pengalaman dan tingkah laku dalam dunia yang bersifat subjektif (Cohen, Manion dan Morrison, 2002).

Teknik pengumpulan data ialah menggunakan teknik temu bual mendalam sebagai teknik utama. Di samping itu, pemerhatian pengajaran guru serta dokumen yang digunakan guru turut digunakan. Teknik persampelan yang digunakan ialah persampelan bertujuan. Kriteria subjek kajian ditentukan iaitu pemilihan subjek kajian dilakukan dengan memilih subjek kajian yang dapat menyumbang kepada persoalan kajian yang ditentukan. Kriteria subjek kajian ialah meliputi guru Pendidikan Islam yang telah berkhidmat melebihi lima tahun agar pengalaman yang diperolehi mencukupi bagi menjawab persoalan kajian; bersedia berkongsi pengalaman serta mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam sekolah menengah.

Seramai lapan orang guru Pendidikan Islam yang terlibat dalam kajian ini iaitu yang memenuhi kriteria yang ditetapkan. analisis data ialah proses di mana penyusunan data kepada beberapa kategori dan unit-unit asas deskriptif (Patton, 1987). Proses analisis berlaku semasa pengumpulan data berjalan dari masa ke semasa dengan refleksi dilakukan terhadap data yang diperolehi (Cresswell, 2003). Analisis secara intensif pula dijalankan setelah pengumpulan data secara menyeluruh selesai (Moleong, 2000).

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini memberi fokus kepada dua perkara penting bagi menjawab dua persoalan kajian yang ditentukan berdasarkan objektif yang telah ditetapkan. Rajah di bawah menggambarkan pemahaman elemen amalan yang diterap dan pengalaman elemen berkenaan diterap dalam pengajaran.



Rajah 1 : Pemahaman dan pengalaman guru menerapkan elemen amalan

Ibadah berlandaskan syariat dan pengalaman menerapkannya

Berasaskan kepada kedua-dua objektif kajian yang ditentukan iaitu meneliti pemahaman dan pengalaman guru menerapkan elemen amalan dalam pengajaran, terdapat dua perkara penting yang dikemukakan oleh subjek kajian. Pertama, subjek kajian memahami elemen amalan sebagai ibadah khusus yang perlu dilaksanakan menurut syariat.

Sebilangan besar daripada subjek kajian yang ditemui menyatakan bahawa elemen amalan merujuk kepada ibadah khusus yang perlu dilakukan betul dan sempurna mengikut hukum syariat. Ini dapat difahami daripada pernyataan Ustazah Z yang menekankan ibadah solat sehingga wuduk perlu diberi perhatian bagi memastikan pelajar melakukannya dengan sempurna mengikut syariat.

Kalau dah ajar wuduk mungkin satu masa je kita ajar wuduk, yang lain kita bawak ke surau lah, tunjuk, tengok lah wuduk tu satu-satu ! Sebab itu memang wajib untuk kita tengok !
(TB 1, Ustzh Z, 18/2/2008)

Ustazah S menekankan amalan sebagai ibadah khusus yang perlu dilakukan mengikut syariat dengan beliau sendiri membuat tunjuk cara amalam tayammum dengan betul dan meminta pelajar-pelajar mengikutinya.

Saya tunjuk dulu (tayammum), kemudian saya akan mintak dia buat lah. Sebab kalau saya tunjuk sorang mungkin tak dapat kan ? Tunjuk dalam beberapa orang, kemudian yang lain akan buat sendiri kat tempat dia...
(TB 1, Ustzh S, 22/2/2008)

Ustazah K pula menyatakan bahawa beliau memberi contoh bagaimana beliau menekankan pelaksanaan solat jenazah dan solat tahiyatul masjid menurut syariat dengan mengadakan praktikal amalan tersebut.

Kalau solat jenazah tingkatan tiga, kita akan buat amali solat jenazah di surau sebagai pengukuhan kepada pelajar. Agar pelajar dapat gambaran sebenar macam mana kalau amali solat jenazah...

Contohnya, solat sunat tahiyatul masjid ataupun solat sunat rawatib kan. Jadi, kita akan ajar dalam kelas kemudian bila kita bawak ke surau buat amali solat mereka akan dapat lah pengukuhan tu melalui amali macam mana nak solat tahiyatul masjid
(TB 1, Ustzh K, 10/9/2008)

Ini disokong dengan pemerhatian yang dijalankan terhadap pengajaran beliau. Beliau yang mengajar tentang tajuk 'Solat Sunat Tahiyatul Masjid' telah membawa pelajar ke surau untuk amali solat :

Setelah selesai penerangan satu persatu tentang solat sunat tahiyatul masjid seperti lafaz niat, bacaan surah dan cara mengerjakannya, Ustazah Khalisah meminta pelajar bersiap untuk menuju ke surau untuk mengerjakan solat tersebut bersama-sama.
(PP 1, Ustzh K, 10/9/2008)

Tidak terkecuali Ustazah H menekankan elemen amalan sebagai pelaksanaan ibadah khusus mengikut syariat di mana beliau menjelaskan bahawa beliau "buat praktikal macam solat berjemaah tu. Kita buat lah tunjuk caranya dengan praktikalnya sekali." Ustazah F menekankan ibadah solat pelajar dilakukan sempurna mengikut syariat dengan memeriksa apa yang pelajar lakukan ketika ruangan Amali Solat. Beliau melaporkan bahawa "di situ lah kita boleh detect bahawa pelajar ni... cara dia, macam mana ayat bacaan, wirid dia boleh ke tidak." Walaupun kelihatannya, Ustaz W dan Ustaz H tidak menekankan pelaksanaan amalan mengikut syariat dalam pengajaran, tetapi penekanan tersebut dilakukan ketika solat berjemaah di surau. Oleh kerana kedua-duanya mengajar di sekolah berasrama penuh, mereka kurang memanfaatkan Amali Solat kerana mempunyai kesempatan ketika pelajar datang solat berjemaah di surau sekolah. Kedua-duanya ialah warden asrama yang selalunya akan mengawasi dan memantau pelajar ketika pelajar solat berjemaah di surau.

Beberapa orang subjek kajian turut memperkatakan tentang amalan membaca Al-Quran. Mereka menekankan bacaan yang betul oleh pelajar dengan membimbing pelajar. Mereka akan terlebih dahulu memperdengarkan bacaan mereka :

Kalau Tilawah biasanya kita baca dulu, permulaannya. Kita mungkin akan dapat beberapa orang murid yang boleh baca. Tapi untuk permulaan, kita baca dulu lah. Bacaan guru tu yang penting. Guru buat bacaan, murid perhatikan. Biar dia perhatikan dulu....
(TB 1, Ustzh Z, 18/2/2008)

Selalunya saya akan baca dulu. Baca dulu. Sebab kadang-kadang tu kita nak betulkan tajwid jugak, kan ? Maksudnya dengar dulu, tapi saya tak ada lah baca berlagu. Saya baca dengan tajwid....
(TB 1, Ustzh S, 22/2/2008)

Ustaz A turut menekankan pentingnya guru memperdengarkan bacaan Al-Quran agar pelajar mengetahui bacaan yang betul. Malah dalam konteks sekolah agama, bacaan guru penting untuk mengelakkan timbulnya syak wasangka pelajar yang menyangka gurunya tidak boleh membaca Al-Quran dengan betul dan sempurna.

Sebab kita sebagai guru, sebagai pembimbing dia. Kalau kita tak pernah baca, dia tak respect dengan kita. ... dalam Quran ni, sebaik-baiknya guru lah baca...Tapi ada guru yang takut, dia takut ... anak murid lebih, tak mahu baca ! Bila pelajar cerdik ni, bila ustazah tak baca depan dia, dia... tanggapan dia, "Aku baca lebih bagus ni..."
(TB 1, Ust A, 16/10/2008)

Elemen amalan yang diterapkan ringkasnya sangat mengutamakan konsep ibadah khusus yang dilaksanakan secara sempurna menurut syariat. Penekanan kepada pelaksanaan ibadah khusus mengikut syariat mendorong subjek kajian mengambil beberapa inisiatif. Pengalaman guru menerapkan elemen amalan lebih merujuk kepada proses mereka menerapkan elemen berkenaan menggunakan beberapa cara dan teknik seperti teknik tunjuk cara, pengajaran berbantuan gambar dan pengajaran menggunakan video.

Sebilangan besar subjek kajian menggunakan teknik tunjuk cara bagi memastikan satu-satu amalan itu difahami dan dipraktikkan. Bagi Ustazah K, beliau memastikan bahan-bahan yang diperlukan untuk menunjuk cara amalan disediakan.

Cuma masa amali macam kata ada solat jenazah, bila amali kita buat lah solat jenazah, kapan macam mana, kita bawak lah kain putih. Pelajar jadi model, kita cubalah kapan sebagaimana yang kita belajar, kemudian solat dan sebagainya.

Contohnya, solat sunat tahiyyatul masjid ataupun solat sunat rawatib kan. Jadi, kita akan ajar dalam kelas kemudian bila kita bawak ke surau buat amali solat mereka akan dapat lah pengukuhan tu melalui amali macam mana nak solat tahiyyatul masjid.

(TB 1, Ustzh K, 10/9/2008)

Ustazah S melakukan tunjuk cara dan meminta pelajar membuatnya supaya beliau dapat memastikan amalan tersebut difahami dan dilakukan dengan betul.

Saya tunjuk dulu, kemudian saya akan mintak dia buat lah. Sebab kalau saya tunjuk sorang mungkin tak dapat kan ? Tunjuk dalam beberapa orang, kemudian yang lain akan buat sendiri kat tempat dia sendiri. Macam beberapa orang buat kat depan dulu, yang lain tu akan buat sendiri kat tempat dia. Saya mengajar kemudian saya buat amali sekali.

(TB 1, Ustzh S, 22/2/2008)

Ustazah Z dan Ustazah H sependapat bahawa guru seboleh-bolehnya melakukan tunjuk cara khususnya berkaitan amalan atau ibadat agar akhirnya ibadat difahami dan dilaksanakan berlandaskan syariat.

Itu lah, sebaiknya kita kena tunjuk lah. Tunjuk lah ! Kalau kita ada peluang untuk tunjuk cara lebih baik kita tunjuk cara.

Buat praktikal macam solat berjemaah tu. Kita buat lah tunjuk caranya dengan praktikalnya sekali.

(TB 1, Ustzh H, 13/10/2008)

Kalau macam bentuk amalan, sama ada suruh sorang tunjuk solat dalam kelas, solat jenazah senang. Sebab dia orang tak payah sujud. Jadi, mula kita ajar dulu, ajar dulu rukun.

(TB 2, Ustzh Z, 20/11/2008)

Dalam konteks amalan yang memerlukan tunjuk cara yang lebih kompleks seperti ibadah sembelihan, Ustazah Izzah menjalankan praktikal sembelihan dalam program yang dianjurkan oleh Panitia Pendidikan Islam.

Kemudian kalau lebih baiknya buat praktikal lah. Tunjuk betul-betul. Tunjuk betul-betul, biasanya kat Melaka dulu, kita orang ada buat lah. Amali sembelihan.

(TB 2, Ustzh Z, 20/11/2008)

Ustazah F turut memperkatakan tentang amali sembelihan kerana sekolah beliau menganjurkan program seumpama itu agar pelajar benar-benar memahami.

Kita ada banyak ayam, kita suruh pelajar sembelih. Saya tak ingat program apa baru ni. Memang ada kita buat baru ni. Pelajar-pelajar lelaki dan perempuan yang berminat kita galakkan, dia akan sembelih dan ayam tu diproses dan digoreng oleh pelajar-pelajar.

(TB 2, Ustzah F, 30/6/2009)

Ustaz H turut menekankan tunjuk cara khasnya dalam ibadah solat :

Macam yang saya boleh sebut macam benda yang kita boleh tunjuk... Macam kita sembahyang, kan, takbir tu, angkat tangan tu macam mana, itu saya buat lah. Gini ke, gini

ke... Macam bila tangan dia kat sini, sini, sini lah (menunjuk cara letak tangan di perut ketika baca Fatihah).
(TB 2, Ust H, 20/5/2009)

Ustaz W menekankan aspek teori dan amali ketika menerapkan elemen amalan dengan beliau mengakui bahawa "Terutamanya dalam amali, memang kita biasa tunjuk cara apa ni... cara yang sepatutnya dilakukan." Sekiranya subjek kajian tidak mampu untuk melakukan teknik tunjuk cara, subjek kajian menggunakan rangsangan tertentu dalam pengajaran. Sebagai contoh, rangsangan yang digunakan ialah penggunaan gambar dan penayangan VCD yang bersesuaian bagi membantu menerapkan elemen amalan.

Kalau kita tak ada peluang tunjuk cara, kita tunjuk gambar. Sebab sebenarnya budak-budak ni dia, dia susah nak ingat apa yang dicakap...
(TB 1, Ustzh B, 13/10/2008)

Kalau kelas yang memang ... hujung tu, kena bawak pun gambar-gambar yang sesuai nak, nak.. ni, kan, sembelihan korban. Sebab ada setengah budak bandar yang tak pernah melihat pun orang sembelih korban. Jadi kita kena bawak gambar, "Ini gambar sembelihan korban."
(TB 2, Ustzh Z, 20/11/2008)

Pengajaran menggunakan bantuan VCD digunakan bagi menjelaskan gambaran sebenar ibadah :

Dan dalam jenazah ni jugak, kita ada CD, mungkin kita tayangkan CD lagi sekali supaya dia orang nampak gambaran tu, terutama dalam bab Ibadat ni.
(TB 1, Ustzh K, 10/9/2008)

ada, tengok CD ada. Tengok CD macam yang pengurusan jenazah tu. Bawak tengok VCD. Kita terangkan gambaran begitu begini dalam kelas, kemudian bawak tengok VCD. Macam haji tu pun ada jugak. VCD tu ada, maksudnya dia orang boleh tengok gambaran kat Mekah semua tu kan ?
(TB 1, Ustzh S, 22/2/2008)

Ada cd, kalau nak tunjuk cd haji ke, kita boleh bawak lah. Sekali sekala budak ni tengok gambar dia suka jugak lah !
(TB 1, Ustzh Z, 18/2/2008)

Jelasnya, elemen amalan yang difahami guru sebagai ibadah yang perlu dilaksanakan berlandaskan syariat mendorong mereka untuk menjalankan pengajaran berbentuk amali, tunjuk cara, pengajaran berbantuan gambar dan berbantuan VCD.

Dapatan kajian tentang penerapan elemen amalan ini juga memberi isyarat yang jelas bahawa amalan adalah elemen yang menitikberatkan sudut latihan amali. Hampir kesemua guru menekankan latihan amali agar amalan dilaksana menurut syariat dan dalam kehidupan seharian pelajar. Ibadah yang sempurna menurut syariat merupakan salah satu tujuan Pendidikan Islam sebagaimana yang dikemukakan oleh Alavi (2008) iaitu memupuk kerohanian dan kebaikan pada diri.

Elemen amalan yang lazimnya merujuk kepada ibadah berdasarkan subjek Pendidikan Islam adalah merupakan elemen yang diberi tumpuan dalam kurikulum Pendidikan Islam tahun 1987 dan begitu juga kurikulum semakan Pendidikan Islam KBSM pada tahun 2002 (Dangiran, 2007 ; Ahmad Mohamad Said, 2007). Kurikulum Pendidikan Islam KBSM menekankan perkaitan erat antara teori dan amali apabila memperkatakan tentang elemen amalan agar pelajar bukan sahaja mencapai kecemerlangan akademik tetapi juga amalannya. Kepentingan mengaitkan aspek teori dan amali dalam konteks elemen amalan ini disentuh oleh Rosnani Hashim (1999). Beliau mengemukakan kritikan terhadap segelintir guru yang memberi fokus kepada aspek teori berbanding praktikal sehingga pelajar tidak mampu melaksanakan amalan. Jika ditelusuri kaedah pengajaran Rasulullah s.a.w. ternyata teknik tunjuk cara ini diaplikasi oleh Rasulullah s.a.w. dengan baginda sendiri menunjukkan cara-cara mendirikan solat agar seluruh umat Islam akan melihat dan mengikuti perlakuan baginda (Che Noraini, 2008).

Ibadah dalam kehidupan seharian dan pengalaman menerapkannya

Selain daripada itu, elemen amalan yang difahami subjek kajian merujuk kepada pelaksanaan ibadah khusus dalam kehidupan pelajar. Oleh kerana pemahaman subjek kajian tentang elemen amalan ialah melaksanakannya dalam kehidupan seharian, maka rata-rata subjek kajian berusaha memastikan amalan yang diterapkan itu dilakukan bukan sahaja di sekolah tetapi dalam kehidupan seharian seorang pelajar. Usaha itu dipastikan dengan sering memberi ingatan, nasihat, melaksanakan program sekolah dan pemerhatian di dalam dan luar sekolah. Ustazah F meluahkan bahawa tujuan amalan ialah untuk "membiasakan mereka dengan apa..gaya hidup, kan, amalan mereka." Ustazah K turut menyifatkan amalan solat berjemaah sebagai amalan yang perlu dititikberatkan sebagai amalan dalam kehidupan. Beliau menyatakan :

Contohnya, kita dah belajar dalam tingkatan satu yang maknum masbuk maknum muafik.. tapi.. Bila kita mengajar, memang kadang-kadang pelajar tu faham, kita buat amali pun, mereka faham. Tapi, dia tak guna, dia tak amalkan dalam kehidupan seharian, dia dia memang tak boleh nak mengikuti imam dengan betul bila mereka pergi ke surau nak berjemaah.

(TB 1, Ustzh K, 10/9/2008)

Di samping itu, Ustazah K seringkali mengingatkan pelajar tentang apa maknanya mempelajari Pendidikan Islam :

"Kamu belajar Pendidikan Islam, ilmunya bukan sahaja untuk sekolah, untuk periksa, bukan nak jawab dalam peperiksaan.. Tapi, ini untuk kita gunakan, amalkan dalam kehidupan kita seharian, sepanjang kehidupan

(TB 1, Ustzh K, 10/9/2008)

Ustaz A memperkatakan tentang ibadah khusus pelajar yang tidak sempurna apabila ibadah itu tidak diamalkan dalam kehidupan pelajar.

...contohnya kita bagi ibadah ni kita sentuh soal solat. Kadang, banyak pelajar ni, dia.. dia belajar daripada kita. Tapi, bila dia beramat, dia buat benda tu kita dapati lari, tak menepati apa yang diajarkan

(TB 1, Ust A, 16/10/2008)

Ustazah Z menyatakan bahawa ilmu yang dipelajari perlu diamalkan :

Ilmu yang dia ada dia kena buat. Dia kena amalkan dia kena hayati. Menghayati dan mengamalkan itu penting.

(TB 1, Ustzh Z, 18/2/2008)

Dalam usaha untuk memastikan ibadah difahami sebagai sesuatu yang perlu diaplikasi dalam kehidupan seharian terdapat beberapa cara yang dilakukan oleh subjek kajian. Antaranya, ialah subjek kajian juga memastikan wujudnya sokongan program sekolah bagi memastikan ibadah itu dipraktikkan dalam kehidupan. Ini dinyatakan oleh Ustazah K tentang program solat berjemaah, bacaan Al-Quran dan Yasin.

Contohnya, sekarang kan dalam bulan Ramadan, kan ? Kita buat tadarus Al-Quran di surau sekolah. Dan setiap pagi Jumaat, di sekolah juga kita buat bacaan Yasin.. untuk menerapkan nilai budaya suka membaca Al-Quran di kalangan pelajar-pelajar lah !

Di samping kita buat jugak solat Zuhur berjemaah di sekolah.. nak.. nak menerapkan pada mereka budaya supaya suka solat berjemaah.

(TB 1, Ustzh K, 10/9/2008)

Ustazah H pernah berusaha menganjurkan program solat Zuhur berjemaah dan tadarus Al-Quran ketika beliau mengajar di sekolah menengah harian.

Selepas sekolah kita buat solat Zuhur berjemaah, satu sekolah solat Zuhur berjemaah. Lepas tu, yang boleh baca Quran ni, kita bagi dia halaqah, lantik naqib.
(TB 2, Ustzh H, 1/7/2009)

Ustazah S yang berada di sekolah yang sama dengan Ustazah K turut menekankan program solat berjemaah bagi membiasakan ibadah tersebut dalam kehidupan pelajar.

Nak membiasakan dia atau nak lekat, bagi dia lekat solat tu, nak menambahkan pahala dia, kita buat solat berjemaah...
(TB 1, Ustzh S, 22/2/2008)

Walaupun Ustazah S tidak menyatakan tentang amalan membaca Al-Quran yang beliau terapkan dalam pengajaran, tetapi berdasarkan pemerhatian, beliau memberi galakan dan ingatan agar pelajar membaca Al-Quran khususnya dalam bulan Ramadan.

Penerapan elemen amalan pula dilakukan dengan guru menjelaskan bahawa amalan membaca Al-Quran perlu diperaktikkan khususnya dalam bulan Ramadan yang sedang dijalani ini.
(CL 1, Ustzh S, 8/9/2008)

Bagi Ustaz W, dalam usaha memastikan ibadah solat menjadi amalan dalam kehidupan pelajar, program tertentu dilaksanakan seperti "... Kem Solat yang ada di pasaran, ia boleh memberi input kepada pelajar." Dengan nama program yang hampir sama iaitu Kem Soleh, ia boleh memantapkan amalan solat kerana menurut Ustaz A "...dia termasuk tu salah satu slot yang diadakan tu adalah solat." Ustazah F menyatakan tentang puasa sunat yang digalakkan dalam kalangan pelajar :

Biasa kita galakkan itu lah, amalan-amalan sunat. Macam kita ada program jugak macam iftar jamaie, macam puasa bulan apa, bulan Syaaban tu, kan.... sebab nak menggalakkan lebih ramai berpuasa dan kita berbuka bersama-sama kat surau.
(TB 1, Ustzh F, 14/10/2008)

Ruangan Amali Solat, program sekolah dan program asrama secara tidak langsung menekankan aspek pembiasaan atau latihan. Mana-mana amalan yang ingin diterap, dibiasakan pada diri pelajar. Latihan dan pembiasaan dalam bentuk itu secara tidak langsung dapat mengukuhkan hakikat ibadah sebagai amalan dalam kehidupan. Ustazah F berkongsi pengalaman beliau membiasakan puasa sunat dalam kalangan pelajar dengan menjalankan program iftar jamaie dalam bulan Syaaban.

Biasa kita galakkan itu lah, amalan-amalan sunat. Macam kita ada program jugak macam iftar jamaie, macam puasa bulan apa, bulan Syaaban tu, kan.
(TB 1, Ustzh F, 14/10/2008)

Ustaz W pula menceritakan pengalaman beliau membiasakan pelajar dengan amalan solat hajat dengan mewajibkan pelajar yang akan menghadapi peperiksaan melakukan solat hajat selepas Maghrib.

Solat hajat tu memang kita wajibkan selepas Maghrib setiap hari, setiap hari selepas Maghrib... dari awal tahun. Terutamanya kita galakkan pelajar lah sebab mereka yang akan menghadapi peperiksaan.
(TB 2, Ust W, 14/5/2009)

Dalam konteks sekolah menengah harian, subjek kajian didapati melakukan pembiasaan amalan menerusi ruangan Amali Solat dan program sekolah seperti bacaan Yasin, Tadarus Al-Quran dan solat Zuhur berjemaah. Subjek kajian yang mengajar di sekolah asrama tidak begitu menggunakan ruangan Amali Solat sebaliknya melakukan pembiasaan amalan menerusi program asrama.

Untuk Amali Solat tu, kita gunakan sepenuhnya, bermula daripada wuduk sehingga solat berjemaah. Latih mereka solat dan kita...sampai wirid lah kita bimbing mereka !
(TB 2, Ustzh Z, 20/11/2008)

Ustazah K yang mengajar di sekolah harian menceritakan pengalaman beliau membiasakan amalan :

Contohnya, sekarang kan dalam bulan Ramadan, kan ? Kita buat tadarus Al-Quran di surau sekolah. Pelajar-pelajar datang, duduk dalam kumpulan, buat bacaan Al-Quran lah. Dan setiap pagi Jumaat, di sekolah juga kita buat bacaan Yasin.. Di samping kita buat jugak solat Zuhur berjemaah di sekolah.. nak.. nak menerapkan pada mereka budaya supaya suka solat berjemaah
(TB 1, Ustzh K, 10/9/2008)

Ustazah S turut membiasakan pelajar dengan amalan solat menerusi ruangan Amali Solat. Walau bagaimanapun, beliau tidak dapat melaksanakan latihan solat berjemaah setiap minggu kerana kekangan untuk menghabiskan sukatan untuk sesetengah kelas yang diajari beliau.

Nak membiasakan dia atau nak lekat, bagi dia lekat solat tu, nak menambahkan pahala dia, kita buat solat berjemaah, kadang-kadang buat solat Zuhur. Tapi boleh dikatakan tak adalah setiap minggu lah ! Tengok pada masanya lah.
(TB 1, Ustzh S, 22/2/2008)

Subjek kajian juga berkongsi pengalaman mereka menerapkan elemen amalan dengan menjalankan pemantauan dan teguran. Pemantauan dan teguran dijalankan serentak ketika subjek kajian melatih dan membiasakan pelajar dengan pelbagai bentuk ibadah menerusi program sekolah, asrama dan ruangan Amali Solat di dalam kelas pengajaran. Ustaz H sebagai seorang warden membuat pemerhatian terhadap amalan solat pelajar :

Kalau solat ni, kalau kita kata dah, pergerakan melebihi tiga kali berturut-turut, batal ! Lepas tu, tengok kadang-kadang pemerhatian saya kat surau tu, macam-macam ragam manusia. Pemerhatian saya masa khutbah Jumaat ni budak ramai tidur. Lepas tu, kalau tak tidur pun, bercakap. Maknanya kesan dari itu, kita bila kita masuk kelas balik, cakap balik...
(TB 1, Ust H, 24/9/2008)

Ustaz A turut menggunakan sebaik mungkin jawatan sebagai warden asrama untuk memantau dan menegur amalan solat pelajar di surau.

Melalui pemantauan. Sebab tu saya cakap, sebab saya ni warden saya ada lebih beruntung sikit lah. Sebab saya akan bersama pelajar sepanjang hari, kan, mungkin lepas dia balik, duduk asrama je, saya akan ikut dia di asrama. Malam saya akan memantau. Solat jemaah saya akan bersama dia.
(TB 1, Ust A, 16/10/2008)

Ustaz W menjelaskan bahawa beliau selaku warden asrama melakukan pemantauan dan teguran terhadap solat pelajar.

Sekiranya mereka ini melakukan solat, makna kita akan sentiasa memerhati lah, jika ada kesalahan, apa ni... ditegur supaya mereka ini tidak mengulangi perbuatan-perbuatan yang salah itu.
(TB 2, Ust W, 14/5/2009)

Manakala subjek kajian yang lain khususnya yang mengajar di sekolah menengah harian turut menjalankan pemantauan dan teguran terhadap amalan solat pelajar tetapi lebih tertumpu ketika ruangan Amali Solat.

Akhirnya, beberapa subjek kajian turut berkongsi pengalaman mereka menerapkan amalan dalam pengajaran dengan menceritakan tentang fadilat atau kelebihan satu-satu amalan atau ibadah tersebut. Ustazah F dan Ustaz W menerapkan elemen amalan dengan mengemukakan fadilat satu-satu amalan tersebut. Mereka mengemukakan fadilat amalan solat dan puasa untuk menimbulkan kesedaran di hati pelajar untuk mempraktikkan amalan tersebut dalam kehidupan.

Contoh dalam bab Ibadat, mengapa Allah suruh kita solat, apa kepentingannya solat ? Dari segi puasa, apa sebabnya.. antaranya .. Itu falsafah-falsafah yang boleh kita terapkan di sebalik apa ni .. kewajipan Allah itu hikmatnya adalah untuk membina manusia, ...
(TB 1, Ust W, 23/9/2008)

Bagi Ustazah F pula, beliau memberi contoh bagaimana beliau menekankan rahsia amalan puasa dengan harapan amalan tersebut dapat diterapkan.

Kalau Ibadah, mungkin puasa lah kot. Puasa kaitkan kehidupan orang lain yang susah dan kita amalan puasa kita rasakan betapa seksanya daripada mulanya kita berpuasa sampai lah ke waktu nak berbuka tu, kita rasakan macam mana rasa penderitaan tak makan tak minum.
(TB 1, Ustzh F, 14/10/2008)

Kesimpulannya, elemen amalan turut difahami sebagai pelaksanaan ibadah khusus dalam kehidupan pelajar. Teguran, latihan dan penganjuran program adalah bukti elemen amalan menekankan aspek pelaksanaan dalam kehidupan pelajar dan ini telah diusahakan guru.

Pelaksanaan amalan dalam kehidupan seharian juga sejajar dengan pendapat Halstead (2007) bahawa kewajipan agama seperti ibadah khusus dan umum ialah ibadah yang diberi ganjaran pahala selagi diniat kerana Allah s.w.t. Walau bagaimanapun, terdapat juga guru yang tidak melaksanakan amali solat pada setiap minggu walaupun peruntukan untuk ruangan itu disediakan kerana perlu menghabiskan sukatan pelajaran untuk kelas-kelas tertentu. Ini bertepatan dengan apa yang disuarakan oleh Rosnani Hashim (1999), bahawa pengajaran tentang satu-satu jenis ibadah tidak diikuti dengan satu slot amali yang akan memberi kefahaman kepada pelajar. Menurut beliau, masalah ini berlaku ekoran keterbatasan masa yang diperuntukkan. Ia juga berpunca daripada sikap guru yang lebih mementingkan kelulusan pelajar dalam peperiksaan berbanding penguasaan dalam aspek pelaksanaan ibadah (Rosnani Hashim, 1999). Apa yang sepatutnya berlaku menurut Alavi (2007) ialah elemen amalan perlu dibiasakan menurut cara yang boleh dilakukan guru seperti menerusi Amali Solat atau program tertentu agar amalan itu dilaksanakan dalam kehidupan seharian pelajar.

Selain daripada itu, proses menerapkan elemen amalan dilakukan menerusi pembiasaan atau latihan. Pembiasaan atau latihan amalan dilakukan menerusi ruangan Amali Solat dan program-program seperti solat berjemaah, bacaan Yasin, qiyamullail, solat sunat dan iftar jamaie. Pembiasaan dapat melatih pelajar dengan ibadah solat berjemaah yang ada kalanya tidak biasa dilakukan pelajar sehingga mereka tidak tahu bagaimana menjadi makmum muafik dan makmum masbuk. Begitu juga ibadah lain seperti bacaan Yasin dan qiyamullail yang perlu dibiasakan pada diri pelajar menerusi program sekolah kerana ibadah sebegini ada kalanya tidak pernah dilakukan oleh pelajar di rumah. Proses membiasakan pelajar dengan satu-satu amalan sama ada wajib atau sunat telah disarankan oleh Ulwan (1996) dan teknik ini juga selari dengan suruhan Islam agar mengajar dan mengajak anak sekecil usia tujuh tahun untuk melaksanakan solat. Proses pembiasaan ini juga sejajar dengan apa yang disarankan oleh Alavi (2007) tentang pentingnya melakukan latihan dan pengulangan amalan agar amalan itu mampu diaplikasi dalam konteks kehidupan seharian.

Seterusnya, elemen amalan diterap menerusi pemantauan dan teguran terhadap amalan pelajar dalam pengajaran khasnya ketika ruangan Amali Solat atau program sekolah. Menerapkan elemen amalan dengan melaksanakan pemantauan dan teguran ini selaras dengan ayat Al-Quran dalam surah Al-Tahrim ayat 6 yang bermaksud :

Wahai orang-orang beriman peliharalah dirimu dan keluargamu daripada api neraka yang bahan bakarnya ialah manusia dan batu

Begitu juga dalam konteks teguran, ianya boleh difahami daripada Surah Al-'Ala ayat 9 yang bermaksud :

Oleh itu berilah nasihat atau peringatan kepada umat manusia dengan ajaran Al-Quran kalau-kalau nasihat itu berguna dan sudah tentu berguna

Akhir sekali, penerapan elemen amalan turut dilakukan dengan guru mengemukakan falsafah atau hikmah sesuatu amalan itu dilaksanakan. Terdapat beberapa orang guru mengajak pelajar menghayati rahsia dan kelebihan pelaksanaan solat dan puasa dengan harapan pelajar memahami dan menghayati elemen amalan tersebut. Al-Quran sendiri mengemukakan tentang rahsia, kelebihan dan keutamaan ibadah seperti solat, puasa, zakat dan haji. Dalam konteks ibadah solat, Allah s.w.t. telah menjelaskan bahawa ia boleh mencegah individu daripada melakukan perkara yang keji dan mungkar.

Penjelasan guru tentang falsafah, hikmah atau fadilat satu-satu amalan atau ibadat yang sebenarnya adalah teknik kuliah atau penerangan. Teknik kuliah juga merupakan teknik yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w. ketika menyampaikan dakwah dengan memberi fokus kepada kuliah yang memiliki ciri-ciri yang menarik dan tidak membosankan pendengar (Che Noraini, 2008). Mengemukakan falsafah dan fadilat amalan menerusi kuliah di dalam kelas boleh dikatakan kuliah yang berusaha membangkitkan kesedaran pelajar tentang hakikat rahsia amalan tersebut kepada kehidupan pelajar dan ini selari dengan apa yang ditekankan oleh Abd. Halim Tamuri (2007), Alavi (2007) dan (Hilgendorf, 2003) tentang perlunya hubungkait pengajaran dengan realiti kehidupan yang dijalani.

Ringkasnya, proses guru-guru menerapkan elemen amalan berkait rapat dengan penekanan kepada aspek teori dan praktikal menerusi teknik tunjuk cara, pembiasaan amalan, pengawasan dan teguran serta mengemukakan falsafah satu-satu amalan menerusi teknik kuliah atau penerangan. Namun, pemahaman dan penerapan elemen amalan dalam pengajaran boleh dipertingkatkan lagi dengan memberi tumpuan kepada aspek kekhusukan melaksanakan ibadah atau dengan kata lain kenikmatan beribadah. Seajar dengan itu, usaha untuk mencapai tahap kenikmatan atau penghayatan ibadah perlu diusahakan dengan guru sendiri terlebih dahulu mencapai tahap tersebut sebelum menerapkan dalam pengajaran mereka.

RUMUSAN

Kajian ini dijalankan bagi meneliti pemahaman dan pengalaman guru Pendidikan Islam menerapkan elemen amalan dalam pengajaran mereka. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa guru-guru Pendidikan Islam memahami elemen amalan sebagai ibadah khusus yang perlu dilaksanakan menurut syariat dan dalam kehidupan seharian pelajar. Aspek amalan di sini merujuk kepada ibadah khusus yang meliputi ibadah fardu ain dan fardu kifayah seperti wuduk, solat berjemaah, tayammum, puasa wajib dan sunat, sembelihan, haji, pengurusan jenazah dan bacaan Al-Quran, Yasin serta doa. Pemahaman guru tentang elemen amalan jelas memperlihatkan ia merangkumi sukatan pelajaran dan tajuk-tajuk yang perlu diajar. Walau bagaimanapun, pemahaman guru tersebut turut memperlihatkan bahawa amalan dan ibadah lain yang tidak begitu berkaitan dengan kehidupan pelajar tidak diberi penekanan iaitu seperti ibadah zakat, sedekah dan solat dalam musafir. Keadaan ini besar kemungkinan menunjukkan bahawa ibadah yang berbentuk asas masih belum dikuasai dan dihayati oleh pelajar dengan baik dan sempurna. Manakala pengalaman guru Pendidikan Islam menerapkan elemen amalan dalam pengajaran menunjukkan keselarian antara pemahaman dan penerapan elemen berkenaan dalam pengajaran. Terdapat beberapa kaedah atau teknik yang digunakan. Antaranya ialah teknik tunjuk cara, pengajaran berbantuan gambar serta pengajaran berbantuan video. Teknik ini bertepatan dengan pemahaman alaman sebagai ibadah yang perlu dilaksana menurut syariat iaitu perlu betul dan sempurna. Selanjutnya, kaedah latihan berterusan, pemantauan dan teguran diaplifikasi menerusi medium seperti program sekolah, ruangan Amali Solat dan program asrama. Tambahan daripada itu, mengemukakan fadilat amalan juga dilihat selari dengan pemahaman guru terhadap amalan sebagai ibadah yang perlu dilaksanakan dalam kehidupan seharian. Boleh dikatakan bahawa cara guru menerapkan elemen amalan boleh dimantapkan lagi dengan memberi fokus kepada cara yang mampu menimbulkan penghayatan amalan dalam kalangan pelajar. Pemahaman dan penerapan elemen amalan oleh guru masih dilihat berkisar kepada pelaksanaan ibadah seharian secara betul dan sempurna menurut syariat.

Dapatkan kajian ini sangat membantu guru-guru Pendidikan Islam bagi menerapkan elemen amalan secara berkesan dalam pengajaran mereka. Pengalaman guru menerapkan elemen amalan dapat dijadikan

panduan dan melakukan penambah baikan terhadap usaha sedia ada. Dapatkan kajian juga mengisyaratkan bahawa penerapan elemen amalan dalam pengajaran tidak harus difahami secara sempit. Penerapan tersebut tidak hanya berlaku dalam lingkungan kelas tetapi menjangkau program sekolah, asrama dan tentu sekali tidak dipinggirkan peranan ibu bapa di rumah. Inisiatif dan kesungguhan guru menerapkan elemen amalan juga seharusnya bertitik tolak daripada pemahaman yang jelas tentang elemen amalan itu sendiri. Di samping itu, pemahaman dan penghayatan guru tentang tanggungjawab yang perlu digalas wajar berakar umbi daripada pandangan beliau terhadap Islam yang hakiki.

Adalah dicadangkan agar kajian pada masa akan datang dapat dijalankan dengan memberi tumpuan kepada pengalaman guru cemerlang Pendidikan Islam bagi memahami amalan terbaik yang dapat dicontohi. Begitu juga, kajian pada masa akan datang boleh dijalankan terhadap guru-guru Pendidikan Islam sekolah rendah untuk meneliti perbezaan penerapan elemen amalan dalam konteks sekolah rendah dan menengah di Malaysia.

RUJUKAN

- Abdul Haq, Mahar. (2002). *Educational philosophy of the Holy Qur'an*. New Delhi: Adam Publishers & Distributors
- Abdullah, Abdul Rahman Salih. (1982). *Educational Theory A Qur'anic Outlook*. Makkah: Umm Al-Qura University.
- Ab. Halim Tamuri. (2007). Islamic Education teachers' perceptions of the teaching of *Akhlaq* in Malaysian secondary schools. *Journal of Moral Education*. 36 (3): 371 – 386.
- Achoui, Mustapha. (1998). Human nature from a comparative psychological perspective. *The American Journal of Islamic Social Sciences*. 15 (4): 71 – 95.
- Ahmad Mohamad Said. (2007). Penilaian kritis terhadap kurikulum Pendidikan Islam di Malaysia. Dalam Nik Azis Nik Pa (editor),. *Pendidikan Islam dan pendidikan Bahasa Arab berteraskan pendekatan Islam Hadhari* (halaman 147 - 175). Putrajaya: Yayasan Islam Hadhari.
- Alavi, H. R. (2008). Nearness to God: A perspective on Islamic Education. *Religious Education*. 103 (1) : 5 – 21.
- Alavi, H.R. (2007). Al-Ghazali on moral education. *Journal of Moral Education*. 36 (3): 309 – 319.
- Al-Aroosi, M. (1990). Kurikulum Islam dan guru. Dalam Al-Efendi dan Baloch (editor),. *Kurikulum dan pendidikan guru* (halaman 137 - 159). Ahmad Jaffni Hassan, Mohamad Nordin Zainuddin dan Asiah Idris. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alhasan, Ahmad Diya Eddin. (2005). The role of Islamic Education in crime prevention. *The Islamic Quarterly*. 49 (1): 35 – 63.
- Al-Mawdudi, Abu'l A'la. (2006). *Asas-asas Islam*. Penterj. H.O.K. Rahmat. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Al-Syaibany, Omar. (1991). *Falsafah pendidikan Islam*. Hasan Langgulung (penterj.) Shah Alam: HIZBI Sdn. Bhd.
- Al-Zindani, Abdul Majid. (1996). *Al-imam*. Mahyuddin Abdullah (Penterj.). Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publisher.
- Che Noraini Hashim. (2008). Kepelbagai pendekatan pengajaran dan pembelajaran Rasulullah (S.A.W.) demi menjana pendidikan yang berkesan. *Jurnal Pendidikan Islam*. 13(1): 61- 79.

Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. (2002). *Research methods in education*. 5th ed. New York: Routledge Falmer.

Cresswell, J.W. (2003). *Research design: qualitative, quantitative and mixed methods approaches*. Thousand Oaks : SAGE Publications.

Dangiran Haji Mustafa. (2007). Pelaksanaan Pendidikan Islam ke arah pembentukan masyarakat Hadhari. Dalam Nik Azis Nik Pa (editor). *Pendidikan Islam dan Pendidikan Bahasa Arab berteraskan pendekatan Islam Hadhari*. (halaman 107 - 146). Putrajaya: Yayasan Islam Hadhari.

Fatiyah Mohd Fakhruddin. (2010). Penerapan elemen falsafah pendidikan Islam dalam pengajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah Lembah Klang. Tesis Ph.d yang tidak diterbitkan, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.

Halstead, J. M. (2007). Islamic values : a distinctive framework for Moral Education? *Journal of Moral Education*. 36 (3) : 283 – 296.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2002). *Sukatan pelajaran Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Moleong, L. J. (2000). *Metodologi penelitian kualitatif*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.

Patton, M.Q. (1987). *How to use qualitative methods in evaluation*. Newbury Park, California: SAGE Publications, Inc.

Rahman, Mawdudur. (1994). A holistic and institutional analysis of Islamic Education. . *The American Journal of Islamic Social Sciences*. 11 (4): 519 – 531.

Rosnani Hashim. (1999). Islamization of the curriculum. *The American Journal of Islamic Social Sciences*. 16 (2): 27 – 43.

Sidek Baba. (2006). *Pendidikan Rabbani: Mengenal Allah Melalui Ilmu Dunia*. Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd.

Sultan, Talat. (1992). *Curriculum guide for Islamic Studies*. Makkah: Umm al-Qura University.

Sumaiyah Sulaiman, Rahaila Omar, Mahawa Pilus dan Abd Rashid Zainal. (2012). Kefahaman, pelaksanaan dan penghayatan solat bakal guru. Kertas yang dibentangkan di Persidangan kebangsaan pendidikan Islam pada 3-6 Julai 2012 di Royale Bintang, Seremban.

Ulwan, Abdullah Nasih. (1996). *Tarbiyah al-awlad fi al-Islam*. Juz. 1 & 2. Kaherah: Dar al-Salam.

'Umar, Ahmad 'Umar. (2000). *Falsafah al-tarbiyah fi al-Qur'an al-Karim*. Damsyik: Dar al-Maktabi.

Yakan, Fathi. (1985). *Apa Ertinya Saya Menganut Islam*. Alias Othman (penterj.). Cetakan 4. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

Yasien Mohamed. (1997). *Insan Yang Suci: Konsep Fithrah Dalam Islam*. Bandung: Penerbit Mizan.

Zainuddin. (1991). *Seluk beluk pendidikan dari Al-Ghazali*. Jakarta: Bumi Aksara.

CATATAN

- CL – Catatan Lapangan
PP – Pemerhatian Pengajaran
TB – Temu bual